

NOR Fasha
turut ditawarkan
Biasiswa
Kerajaan Negeri
Sabah dan
pelbagai
bantuan lain.



Ahli lembaga pengarah UMS pujuk Nor Fasha

HM 25.11.2024 P.02

Kuala Lumpur: Sinar untuk menyambung pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan menjelma semula buat Nor Fasha Natashya Abdul Rahim selepas terpaksa menolak impian itu kerana mahu membantu ekonomi keluarga.

Nor Fasha Natashya, 19, berkata, bidang itu pilihan pertama dalam senarai Unit Pusat Universiti (UPU) yang dipohon, malah dia berjaya mendapat pilihan berkenaan.

"Tetapi, saya

"Pihak UMS menawarkan pelbagai bantuan, tetapi hati saya masih belum terbuka. Sehingga suatu hari, salah seorang ahli lembaga pengarah UMS memujuk saya"

Nor Fasha Natashya

menolak kerana ada masalah kewangan yang sangat serius.

"Saya anak keempat dari padua lapan beradik, ibu seorang suri rumah tangga manakala ayah pula sudah tiada.

"Jadi, saya mahu bantu menyara keluarga dengan bekerja. Hati saya berat meninggalkan keluarga dengan bebanan masalah kewangan yang dihadapi maka sayaambil keputusan untuk bekerja," katanya.

Menurutnya, selepas menolak tawaran UPU itu, pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghubunginya untuk mendapatkan kepastian

sama ada keputusan itu muktamad kerana bidang itu idaman kebanyakan pelajar dan tidak semua berpeluang mendapat tempat.

Dia berkata, pada waktu itu dia tekad dengan keputusan dibuat.

"Pihak UMS menawarkan pelbagai bantuan, tetapi hati saya masih belum terbuka. Sehingga suatu hari, salah seorang ahli lembaga pengarah UMS memujuk saya.

"Dia menawarkan pelbagai bantuan supaya saya sambung belajar. Selepas mendengar tawaran berkenaan, saya berubah fikiran.

"Hal itu disebabkan bukan semua orang akan mendapat peluang seperti saya, ramai lagi individu yang mahu melanjutkan pelajaran tetapi mempunyai masalah kewangan. Jadi, saya perlu bersyukur dengan rezeki yang diberikan," katanya.

Nor Fasha Natashya berkata, ibu dan adik memberi

dorongan yang besar untuk dia melanjutkan pengajian.

"Saya terfikir sekiranya tidak meneruskan pengajian, sampai bila mahu hidup dalam keadaan sebegini. Saya berharap dengan melanjutkan pelajaran untuk membina masa depan yang cerah sekali gus membantu keluarga," katanya.

Menurutnya, dia juga mendapat tawaran Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) dan dalam masa sama, menerima pelbagai bantuan dan sumbangan lain.

"Matlamat saya untuk menjadi seorang doktor perubatan yang berjaya. Jika ada rezeki, saya mahu sambung pelajaran ke peringkat sarjana. Saya mahu memajukan diri.

"Saya mahu berbakti dan bergiat aktif dalam negeri sendiri dengan bekerja di pusat kesihatan sekitar sini. Saya juga mahu memperbaiki taraf hidup kami," katanya.